

bersama `Umar ketika `Ammar berkata kepadanya. Perawi ini juga seterusnya mengemukakan hadits yang sama.

۳۳۰- حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ قَالَ حَدَّثَنَا غُنْدَرٌ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ الْحَكَمِ عَنْ ذَرٍّ عَنْ ابْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي عَنْ أَبِيهِ قَالَ قَالَ عَمَارٌ فَضْرَبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ الْأَرْضَ فَمَسَحَ وَجْهَهُ وَكَفَّيْهِ

330 - Muhammad bin Basysaar meriwayatkan kepada kami, katanya: Ghundar meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu`bah meriwayatkan kepada kami daripada al-Hakam daripada Dzar daripada Ibni (anak lelaki) Abdir Rahman bin Abza daripada ayahnya, katanya: `Ammar menceritakan: "Nabi s.a.w. menepuk tangan ke tanah, lalu menyapu muka dan kedua belah (belakang) tapak tangannya."

۵- باب الصَّعِيدِ الطَّيِّبِ وَضَوْءِ الْمُسْلِمِ يَكْفِيهِ مِنَ الْمَاءِ وَقَالَ الْحَسَنُ يُجْزِيهِ الْيَمُّ مَا لَمْ يُحْدِثْ وَأَمَّ ابْنُ عَبَّاسٍ وَهُوَ مَيِّمٌ وَقَالَ يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ لَا بَأْسَ بِالصَّلَاةِ عَلَى السَّبْحَةِ وَالْيَمِّ بِهَا

5- Bab: Muka Bumi Yang Suci Adalah Air Sembahyang (Bahan Penyuci) Orang Islam.³²⁵ Ia Memadai Untuknya Sebagai

³²⁵ Oleh kerana Imam Bukhari r.a. mahu membincangkan lima perkara utama dan pada kelima-limanya terdapat perbezaan pandangan di kalangan para `ulama`, maka beliau membahagikan tajuk bab ini kepada lima juzu' atau lima bahagian. Pertama: الصَّعِيدُ الطَّيِّبُ وَضَوْءُ الْمُسْلِمِ. Kedua: يَكْفِيهِ مِنَ الْمَاءِ. Ketiga: وَقَالَ الْحَسَنُ .

وَقَالَ يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ لَا بَأْسَ بِالصَّلَاةِ عَلَى السَّبْحَةِ وَالْيَمِّ بِهَا. Keempat: وَأَمَّ ابْنُ عَبَّاسٍ وَهُوَ مَيِّمٌ . يُجْزِيهِ الْيَمُّ مَا لَمْ يُحْدِثْ . Dengan menjejak tarjamatul bab ini pengkaji dan penyelidik dapat mengetahui pendapat dan mazhab Bukhari r.a. sendiri berhubung dengan kelima-lima bahagian itu. Bahagian pertamanya ialah: Muka Bumi Yang Suci Adalah Air Sembahyang (Bahan Penyuci) Orang Islam. Apa yang dikemukakan oleh Bukhari r.a. dalam bahagian pertama tajuk bab ini sebenarnya adalah sebahagian daripada lafaz satu hadits yang juga telah dikemukakan oleh Ahmad, Nasaa'i, Abu Daud, Tarmizi, Ibnu Hibbaan, Ibnu Khuzaimah, Daraquthni, al-Baihaqi, `Abdur Razzaaq dan Hakim. Hadits itu selengkapnya adalah seperti berikut: الصَّعِيدُ الطَّيِّبُ وَضَوْءُ الْمُسْلِمِ وَإِنْ لَمْ يَجِدْ الْمَاءَ عَشْرَ سَنِينَ فَإِذَا وَجَدَ الْمَاءَ فَلْيَمْسِهِ بِشِرْتِهِ فَإِنَّ ذَلِكَ خَيْرٌ . Bermaksud: "Muka bumi yang suci adalah air sembahyang (bahan penyuci) orang Islam, walaupun dia tidak mendapati air selama sepuluh tahun. Dia hendaklah menyirami kulitnya dengan air apabila mendapatinya.

Sesungguhnya itu adalah sesuatu yang baik.” Walaupun hadits ini sahih, tetapi oleh kerana ia tidak menepati syarat Sahih Bukhari r.a., maka Imam Bukhari r.a. mengemukakan sebahagian daripadanya secara ta’liq sahaja di dalam tajuk bab di atas. Bahagian pertama tajuk bab ini merupakan isyarat kepada punca perselisihan pendapat ‘ulama’ tentang bahan pengganti air untuk mengangkat hadats kecil dan hadats besar iaitu الصَّعِيدُ الطَّيِّبُ di dalam ayat tayammum. Apakah itu الصَّعِيدُ الطَّيِّبُ ? Mengikut Imam Syafi’e, Ahmad, Abu Yusuf, Ishaq, Ibnu al-Munzir dan Daud Zahiri r.a., ia adalah tanah bersih yang berdebu dan boleh menumbuhkan tanaman. Berikut adalah sebahagian dalil dan pegangan mereka:

(1)

وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ يَخْرِجُ نَبَاتَهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبثَ لَا تَخْرُجُ إِلَّا نَكِدًا كَذَلِكَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٥٨﴾

Bermaksud: Tanah yang baik, tanaman-tanamannya tumbuh (subur) dengan izin Allah; dan tanah yang tidak baik, tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan terbantut. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda (kemurahan dan kekuasaan) Kami dengan berbagai cara bagi orang-orang yang (mahu) bersyukur. (Al-A’raaf:58).

(2) Di dalam ayat tayammum al-Maa’idah ada perkataan منه selepas فامسحوا بوجوهكم وأيديكم. Perkataan من

pada itu lebih sesuai dipakai dengan erti tab’iidh (تبعيضية). Kerana apa yang dikehendaki ialah melekatnya sebahagian atau sedikit sebanyak tanah itu pada muka dan tangan setelah disapu pada keduanya, dan ini hanya akan berlaku apabila tanah yang ditepuk oleh kedua belah tangan itu berdebu.

(3) Perkataan طَيِّبًا di dalam ayat tayammum itu sendiri memberi erti صَعِيدًا طَيِّبًا adalah sesuatu yang perlu dituju, diqashad dan dicari. Kalau setiap bahagian muka bumi boleh digunakan untuk tayammum, tiada lagi faedahnya Allah memerintahkan kita supaya mencarinya.

(4) Muslim dan lain-lain tokoh hadits meriwayatkan daripada Huzaifah bahawa Nabi s.a.w. bersabda: وَجُعِلَتْ لَنَا طُحُورًا (tanahnya yang berdebu dijadikan untuk kita sebagai penyuci). Di dalam riwayat yang

lain disebutkan juga perkataan تَرَابٍ di tempat تَوَسَّطَ. Kedua-duanya membawa erti yang sama.

(5) Ibnu ‘Abbaas mentafsirkan طَيِّبًا dengan katanya: أَرْضُ الْحَرْثِ (Tanah ladang atau tanah pertanian).’’

Ertinya ialah tanah yang menumbuhkan apa-apa tanaman.

Imam Bukhari, Malik, Abu Hanifah, Muhammad bin Hasan asy-Syaibani, ‘Atha’, Al-Auzaa’i, ats-Tsauri dan lain-lain pula berpendapat الصَّعِيدُ الطَّيِّبُ ialah bumi atau muka bumi yang bersih. Sama ada ia berdebu atau tidak. Mana-mana bahagian bumi atau muka bumi yang sah kita mengerjakan shalat di atasnya, sah juga kita bertayammum dengannya. Tidak kira sama ada ia merupakan tanah, batu, rumput, pokok, air salji, batu kapur, batu celak, pasir dan lain-lain. Asalkan ia bersih dan suci. Berikut adalah sebahagian dalil golongan ini:

(1) Ma’na asal perkataan صَعِيدٍ yang tersebut di dalam ayat tayammum itu tidak khusus dengan debu atau tanah yang boleh menumbuhkan apa-apa tanaman. Ia juga bermakna tanah atau muka bumi secara umum sama ada ia berdebu, menumbuhkan sesuatu atau tidak. Hakikat ini diakui ahli-ahli bahasa ‘Arab yang terkenal seperti Khalil, Tsalab, Ibnu al-A’raabi, az-Zajjaaj dan lain-lain. Justeru az-Zajjaaj berkata: لا أعلم خلافا بين أهل اللغة أن الصعيد وجه الأرض سواء كان عليها تراب أم لا (saya tidak mengetahui adanya khilaf di antara ahli bahasa ‘Arab tentang sha’id itu adalah muka bumi sama ada terdapat tanah di atasnya atau tiada). Al-Qur’an juga di tempat yang lain telah menggunakan sha’id untuk muka bumi yang tandus dan licin. Sebagai contohnya lihat saja dua ayat ini:

وَأَنَّا لَجَاعِلُونَ مَا عَلَيْهَا صَعِيدًا جُرُزًا ﴿٨﴾

Maksudnya: dan sesungguhnya Kami akan jadikan apa yang ada di bumi itu (punah-ranah) sebagai tanah yang tandus. (Al-Kahfi:8).

فَعَسَىٰ رَبِّي أَن يُؤْتِيَنِي خَيْرًا مِّنْ جَنَّتِكَ وَيُرْسِلَ عَلَيْهَا حُسْبَانًا مِّنَ السَّمَاءِ فَتُصْبِحَ صَعِيدًا زَلَقًا ﴿٤٠﴾

Maksudnya: maka mudah-mudahan Tuhanku akan mengurniakan daku lebih baik daripada kebunmu, dan (aku bimbang) Dia akan menimpakannya dengan bala bencana dari langit, sehingga menjadilah kebunmu itu tanah yang licin tandus. (Al-Kahfi:40).

Kedua-dua ayat di atas menunjukkan sha'id itu disifatkan dengan tandus dan licin. Ini bererti sha'id boleh jadi berdebu dan menumbuhkan sesuatu, boleh jadi juga tandus dan tidak menumbuhkan sesuatu seperti batu dan lain-lain.

(2) Nabi s.a.w. telah bersabda: *وجعلت لي الأرض مسجداً وطهوراً*. Maksudnya: “Bumi ini telah dijadikan untukku (dan umatku) sebagai masjid (tempat bersembahyang) dan sebagai bahan untuk bersuci.” beliau s.a.w. menyebutkan bumi tanpa mengaitkannya dengan yang berdebu atau yang boleh menumbuhkan apa-apa tanaman dan sebagainya. Hadits ini bagi Bukhari r.a. dan lain-lain tokoh yang sependapat dengannya, merupakan sebaik-baik pentafsir kepada *صَعِيداً طَيِّباً* yang tersebut di dalam kedua-dua ayat tayammum.

(3) Thabaraani dan Baihaqi dengan sanad yang sahih meriwayatkan daripada Abi Umaamah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *وَجَعَلَ الْأَرْضَ كُلَّهَا لِي وَلِأُمَّتِي مَسْجِداً وَطَهُوراً ، فَأَيُّمَا أَذْرَكَتِ الصَّلَاةُ رَجُلًا مِنْ أُمَّتِي ، فَعِنْدَهُ مَسْجِدُهُ*

Maksudnya: Dia (Allah) menjadikan bumi ini semua sekali sebagai tempat sembahyang dan bahan penyuci untukku dan umatku. Oleh itu di mana sekalipun sembahyang mendapati (wajib ditunaikan oleh) sesiapa saja dari umatku, tempat sembahyang dan bahan untuknya bersuci sudah pun sedia ada di sisinya.

Amat jelas bahawa bumi ini semua sekali bukan terdiri daripada tanah berdebu atau tanah yang boleh menumbuhkan apa-apa tanaman. Tetapi hadits ini menegaskan semua tempat di atas muka bumi ini boleh dijadikan sebagai tempat sembahyang dan semua bahagian bumi boleh dijadikan sebagai bahan untuk bertayammum. Jika debu tanah atau tanah tertentu sahaja dikhususkan untuk tayammum, niscaya tiada lagi erti dan faedah sabda Nabi s.a.w. di dalam hadits di atas bahawa “tempat sembahyang dan bahan untuknya bersuci sudah pun sedia ada di sisinya.”

(4) Perkataan *من* pada *منه* di dalam ayat tayammum al-Maa'idah tidak lebih baik dipakai dengan erti

تبعية, malah ia di situ lebih sesuai dipakai dengan erti *ابتداء الغاية* (tempat bermulanya sesuatu). Maksudnya ialah tepukan dengan kedua belah tapak tangan untuk disapu ke muka dan ke dua belakang tapak tangan hendaklah bermula dari *الصَّعِيدِ الطَّيِّبِ* atau dari muka bumi yang bersih. Kalaupun memang dimaksudkan supaya melekat sedikit sebanyak debu tanah pada kedua belah tapak tangan, niscaya perkataan *به* lebih sesuai digunakan, bukan perkataan *منه*. Di samping itu masih ada lagi kemungkinan

تعليلية *من* di dalam ayat berkenaan dipakai dengan erti yang lain iaitu *من تعليلية*. Jika ia dipakai dengan erti *تعليلية* *من*, maka dhamir padanya boleh dikatakan kembali kepada *الحدث* bukan kepada *الأرض* atau *الصعيد*. Dalam keadaan ini *ما'نا منه وأيديكم* ialah “sapuluh mukamu dan kedua belah tanganmu kerananya.” Iaitu kerana hadats yang telah berlaku kepadamu itu. Oleh kerana ada beberapa kemungkinan pada perkataan *من*, maka tidak boleh lagi ia dijadikan pegangan. Bak kata qaedah Fiqh *إذا*

وجد الاحتمال بطل الاستدلال.

(5) Ishaq bin Rahawaih di dalam Musnadnya dengan sanad yang lengkap meriwayatkan daripada Abi Hurairah, katanya: “Beberapa orang penghuni padang pasir datang kepada Rasulullah s.a.w. lalu mereka berkata: “Wahai Rasulullah s.a.w. Sesungguhnya kami berada di padang pasir selama tiga empat bulan. Di kalangan kami ada yang bernifas, berhaidh dan berjunub. Tetapi kami tidak mendapati air. (Apa harus kami lakukan untuk mengangkat hadats)?”. Jawab Rasulullah s.a.w. *عليكم بالأرض*.

Bermaksud: Gunakanlah bumi (untuk bertayammum). Baginda tidak menyebutkan bumi yang bagaimana. Apa yang jelas ialah bumi padang pasir mereka yang tandus dan tidak berair. Di kawasan seperti itu pada umumnya tidak ada tanah yang berdebu atau boleh menumbuhkan tanaman.

Bagaimanapun perlu sekali diketahui apa yang diijma'kan oleh sekalian 'ulama' sebagai *الصعيد* yang boleh digunakan untuk bertayammum dan apa yang diijma'kan oleh mereka sebagai tidak termasuk dalam kategori *الصعيد*. Bahan yang diijma'kan oleh sekalian 'ulama' sebagai *الصعيد* yang boleh digunakan untuk bertayammum hanyalah tanah yang menumbuhkan tanaman, suci, berdebu, tidak dipindahkan dari tempat asalnya dan tidak dirampas (diambil secara tidak benar dari tuannya). Bahan yang

Pengganti Air.³²⁶ Al-Hasan Berpendapat Tayammum Memadai Untuknya Selagi Dia Tidak Berhadats.³²⁷ Ibnu `Abbaas Menjadi

dijima'kan oleh sekalian `ulama' sebagai bukan الصعيد ialah emas atau perak yang telah dibersihkan dan diasingkan dari dalam tanah, permata seperti delima, zamrud dan lain-lain, abu sesuatu yang terbakar atau dibakar, segala macam makanan seperti daging, roti dan lain-lain, dan segala macam najis. Adapun selain yang tersebut itu masih lagi ada perbezaan pendapat `ulama' tentangnya.

³²⁶ Ini ialah bahagian kedua dari tajuk bab di atas. Menerusinya Imam Bukhari r.a. mahu membicarakan tentang satu masalah khilaf di kalangan `ulama' iaitu masalah adakah tayammum merupakan بدل مطلق (pengganti mutlak kepada air dalam keadaan air tidak didapati atau dalam keadaan seseorang tidak dapat menggunakannya untuk bersuci kerana mengalami sesuatu penyakit dan sebagainya. Dalam istilah yang lain بدل مطلق dipanggil juga dengan طهارة مطلقة أصلية atau ia hanya بدل ضرورة (pengganti dalam

keadaan terdesak dan dharurat). Dalam istilah lain بدل ضرورة dipanggil juga dengan طهارة ضرورة (satu bentuk persucian daripada hadats yang terhad kuasanya dan hanya melepaskan keadaan yang terdesak atau dharurat semata-mata). Imam Malik, al-Laits, Syafi'e, Ahmad, dan Ishaq berpendapat tayammum hanyalah بدل ضرورة atau طهارة ضرورة. Tayammum di sisi mereka tidak mengangkat hadats sepenuhnya. Ia sekadar mengharuskan seseorang bersembahyang atau melakukan lain-lain ibadat yang menghendaki syarat suci daripada hadats. Oleh kerana ia hanya berada ditahap dharurat sahaja, maka ibadat yang harus dilakukan dengannya hanyalah sekadar melepaskan kehendak yang mendesak sahaja. Ini sesuai dengan qaedah fiqh yang berbunyi: مَا أُبِيحَ لِلضَّرُورَةِ يَنْدَرُ بِغَدَرِهَا. Bermaksud: Apa-apa yang dibolehkan kerana dharurat hanya dibenar sekadar melepaskan dharurat sahaja. Dari itu satu tayammum hanya mengharuskan seseorang mengerjakan satu sembahyang fardhu sahaja sama ada secara tunai atau qadha'. Tayammum akan terbatal dengan sendirinya apabila habis waktu sesuatu sembahyang sama ada seseorang itu berhadats atau tidak. Tetapi bagi Bukhari r.a. tayammum adalah بدل مطلق bukan بدل

ضرورة. Antara tokoh `ulama' yang sependapat dengan beliau dalam masalah ini ialah Ibrahim an-Nakha'i, `Athaa', Ibnu al-Musayyab, Hasan Bashri, az-Zuhri, Yazid bin Harun, Hasan bin Hayy, Daud Zahiri, Ahlu az-Zahir, Sufyaan ats-Tsauri, Abu Hanifah, Ashhabu ar-Ra'yi, Ahlul Kufah, Ibnu Taimiyyah, Ibnu al-Jauzi dan satu riwayat daripada Imam Ahmad r.a.. Maksud بدل مطلق ialah tayammum bagi seseorang yang tidak menemui air atau tidak dapat menggunakannya, betul-betul mengambil alih kedudukan wudhu' atau mandi wajib daripada segi mengangkat hadats dengan sempurna. Kerana itu pada pandangan golongan ini orang yang bertayammum boleh melakukan segala apa yang boleh dilakukan oleh orang yang mengangkat hadats dengan menggunakan air, sama ada ia berwudhu' atau mandi junub. Seseorang yang bertayammum boleh mengerjakan beberapa sembahyang fardhu sama ada secara tunai atau qadha'. Tayammum tidak terbatal dengan berlalunya waktu sesuatu sembahyang. Untuk sahnya tayammum, seseorang tidak disyaratkan bertayammum setelah masuk waktu sesuatu sembahyang. Seseorang boleh mengerjakan beberapa ibadat berlainan dengan satu tayammum sahaja, seperti bersembahyang jenazah, bersembahyang sunat-sunat yang lain, membaca al-Qur'aan dan lain-lain. Tayammum seseorang tidak akan terbatal selagi tidak berlaku apa-apa yang membatalkan wudhu'. Pendek kata tidak ada apa-apa yang membezakan wudhu' dan tayammum dari segi perkara-perkara yang membatalkan keduanya selain adanya air atau ditemui air. Kerana sebaik saja seseorang yang bertayammum menemui air, terbatal tayammumnya. Sama ada dia ketika itu sedang berada di luar sembahyang atau sedang bersembahyang. Dalil dan pegangan Bukhari r.a. dalam masalah ini ialah sabda Nabi s.a.w. yang dikemukakannya di dalam juzu' pertama tajuk bab di atas. Bukankah apabila Rasulullah s.a.w. bersabda: "Muka bumi yang suci adalah air sembahyang (bahan penyuci) orang Islam." Bererti beliau s.a.w. telah menyamakan tayammum dengan air sembahyang? Kalau sudah sama dengan air sembahyang, sepatutnya tayammum tidak berbeza dari air sembahyang daripada segi harus melakukan dengannya apa yang harus dilakukan dengan air sembahyang. Bukankah boleh kita mengambil wudhu' sebelum masuk sesuatu waktu sembahyang fardhu? Bukankah kita boleh mengerjakan beberapa sembahyang fardhu dengan satu air sembahyang sahaja?? Dan bukankah kita boleh mengerjakan beberapa ibadat berlainan dengan satu wudhu' sahaja??? Kalau semua itu boleh kita

Imam Dengan Bertayammum.³²⁸ Yahya bin Sa'id Berpendapat Tidak Mengapa Bersembahyang Di Atas Tanah Tandus Yang Masin Dan Bertayammum Dengannya.³²⁹

lakukan dengan satu wudhu' sahaja, maka dengan satu tayammum juga tentu boleh kita lakukannya. Kerana Rasulullah s.a.w. sendiri telah menyamakan tayammum dengan wudhu'. Justeru Baginda s.a.w. telah mengatakan: "Muka Bumi Yang Suci Adalah Air Sembahyang." Nabi s.a.w. telah menggunakan **بَلِغ** di dalam sabdanya itu untuk menyatakan bahawa sesungguhnya bertayammum dengan menggunakan muka bumi yang bersih ketika ketiadaan air atau ketika tidak dapat menggunakannya, benar-benar sama dengan berwudhu'. Oleh kerana tayammum adalah **بَدَل** bagi air maka Imam Bukhari r.a. mengemukakan bahagian kedua tajuk bab ini sebagai lanjutan kepada apa yang telah disentuhnya sebelum itu, katanya: "Ia Memadai Untuknya Sebagai Pengganti Air." Apa yang dikemukakan oleh Imam Bukhari r.a. sebagai juzu' pertama dan kedua tajuk bab ini sebenarnya adalah kata-kata 'Ammaar yang terdapat di dalam Bab-4, hadits no: 327 lalu. Mungkin juga beliau menyimpulkannya daripada sabda Nabi s.a.w. di dalam hadits bab ini iaitu: **عَلَيْكَ بِالصَّيْدِ فَإِنَّهُ يَكْفِيكَ**

"Gunakanlah tanah kerana ia sudah memadai untukmu." Perkataan **يَكْفِيكَ** di dalam atsar 'Ammaar atau **يَكْفِيكَ** di dalam hadits Nabi s.a.w. ini tersebut secara mutlaq. Maka ia meruju' kepada **الفرد الكامل** iaitu kifaayah atau memadai dan cukup dalam erti kata yang sebenar. Hakikat memadai dalam erti kata yang sebenar itu baru wujud apabila anda menerima kesamaan kuasa tayammum ketika ketiadaan air, dengan wudhu' atau mandi wajib ketika ada air, daripada segi kedua-duanya sama-sama mengangkat hadats kecil atau hadats besar di samping kedua-duanya dapat memberikan kemudahan yang sama.

³²⁷ Di dalam juzu' ketiga tarjamatul bab di atas Imam Bukhari r.a. membawa kata-kata Hasan al-Bashri. Kata-kata Hasan dibawahnya hanya secara ta'liq. 'Abdur Razzaaq mewashalkannya dengan lafaz: **يُجْزَى**

Bermaksud: "Satu tayammum memadai untuk seseorang selagi ia tidak berhadats." Ibnu Abi Syaibah mewashalkannya dengan lafaz: **لا يَتَقَضَى التَّيْمُ إِلَّا الْحَدَثُ** Bermaksud: "Tayammum tidak dibatalkan kecuali oleh hadats." Sa'id bin Manshur mewashalkannya dengan lafaz: **التَّيْمُ بِمَنْزِلَةِ الْوُضُوءِ إِذَا تَيَمَّمَ**

Bermaksud: "Tayammum sama seperti wudhu'. Apabila engkau telah bertayammum bererti engkau berada dalam keadaan berwudhu' hinggalah engkau berhadats." Hammad bin Salamah juga menwashalkan ta'liq ini di dalam Mushannafnya dengan lafaz: **تَصْلِي الصَّلَاةِ**

Bermaksud: "Engkau boleh mengerjakan semua sembahyang dengan satu tayammum sahaja sama seperti wudhu' selagi engkau tidak berhadats." Tujuan Imam Bukhari r.a. mengemukakan kata-kata Hasan ialah untuk menguatkan lagi pendapatnya bahawa tayammum adalah badal mutlaq bagi air. Kerana itulah seorang tokoh besar seperti Hasan tidak menganggap habisnya waktu sesuatu sembahyang membatalkan tayammum. Hasan juga tidak menganggap tayammum terbatal apabila seseorang mengerjakan sesuatu sembahyang fardhu. Hasan hanya menerima tayammum akan terbatal apabila seseorang yang bertayammum itu berhadats. Kalau begitu samalah kedudukan tayammum dengan wudhu' atau mandi wajib.

³²⁸ Ta'liq ini diwashalkan oleh Ibnu Abi Syaibah dan Baihaqi dengan isnad yang sahih. Atsar Ibnu 'Abbaas merupakan bahagian keempat dari tajuk bab yang dikemukakan oleh Bukhari r.a.. Atsar ini juga dibawa beliau dengan tujuan menyokong pendapatnya bahawa tayammum adalah **بَدَل** bagi air, bukan **بَدَل** ضرورية. Sebab kalau ia hanya badal dharurat, ia akan dianggap lemah, dan kalau ia memang lemah mengapa Ibnu 'Abbaas telah menjadi imam sembahyang kepada orang-orang yang berwudhu'? Termasuk dalam golongan yang menjadi ma'mumnya dalam sembahyang itu 'Ammaar bin Yaasir r.a. Apa yang menghairankan ialah ramai daripada yang berpendapat tayammum itu **بَدَل** ضرورية mengharuskan pula orang yang bertayammum menjadi imam kepada orang-orang yang berwudhu'! Antara mereka

ialah Syafi'e, Ahmad, Ishaq dan Abu Tsaur. Bagaimanapun Muhammad bin Hasan asy-Syaibaani, an-Nakha'i, Hasan bin Hayy dan Al-Auzaa'i mengatakan tidak harus orang yang bertayammum menjadi imam kepada orang-orang yang berwudhu'. Al-Auzaa'i cuma mengecualikan amir atau pemimpin negara. Kerana baginya amir yang bertayammum boleh menjadi imam kepada orang-orang yang berwudhu'. Demikian kata Ibnu hazam. Pilihan Bukhari r.a. dalam masalah ini sebenarnya adalah pilihan jumhur 'ulama'. Antara tokoh yang sependapat dengan beliau dalam masalah ini ialah Malik, Abu Hanifah, abu Yusuf, Zufar, ats-Tsauri dan lain-lain. Imam Malik berkata: "Orang yang bertayammum untuk mengerjakan sembahyang setelah tidak mendapati air sebenarnya orang yang ta'at kepada Allah. Orang yang mendapati air untuk berwudhu' tidak lebih suci daripadanya, sembahyangnya juga tidak lebih sempurna daripada sembahyang orang bertayammum. Masing-masing mereka sesungguhnya ber'amal mengikut perintah Allah."

³²⁹ Pendapat Yahya bin Sa'id al-Anshari merupakan bahagian kelima dan terakhir daripada tajuk bab di atas. Bukhari r.a. mengemukakannya untuk menguatkan pegangannya bahawa السبخة iaitu tanah tandus

yang masin juga termasuk dalam الصَّيْدُ الطَّيِّبُ yang dianjurkan kita bertayammum dengannya. Walaupun tanah itu tidak berdebu dan tidak menumbuhkan kecuali sejenis dua tanaman sahaja, tokoh besar seperti Yahya tetap menganggapnya boleh diguna untuk bertayammum. Itulah juga pendapat Abu Hanifah, Malik, Al-Auzaa'i, ats-Tsauri, Asy-Syafi'e dan kebanyakan 'ulama'. Tetapi Ishaq bin Rahawaih berpendapat tidak boleh bertayammum dengannya. Mujahid juga diriwayatkan berpendapat seperti Ishaq. Ibnu Khuzaimah mengatakan harus bertayammum dengan tanah tandus yang masin. Alasannya ialah hadits Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh 'Aaisyah r.a., katanya Nabi s.a.w. bersabda:

إِنِّي أُرِيتُ دَارَ هِجْرَتِكُمْ سَبْخَةً ذَاتَ ثَمَلٍ بَيْنَ لَابَتَيْنِ Bermaksud: "Sesungguhnya telah diperlihatkan kepadaku negeri tempat kamu akan berhijrah iaitu satu kawasan di mana tanahnya tandus dan masin. Ia mempunyai pokok tamar. Letaknya ialah di antara dua kawasan berbatu hitam." Negeri yang dimaksudkan di dalam hadits ini ialah Madinah. Madinah dinamakan juga oleh Rasulullah s.a.w. dengan Tayyibah. Maka tanah Madinah yang tandus dan masin itu juga termasuk di dalam firman Allah صَعِيدًا طَيِّبًا kerana dua

sebab. Pertama: Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya terbukti telah bertayammum dengan tanah Madinah. Kedua: Rasulullah s.a.w. telah menamakan tanah Madinah sebagai Tayyibah.

Jika diperhatikan betul-betul perbincangan bab ini dan bab-bab lain di dalam kitab tayammum secara keseluruhannya, anda akan dapati mazhab Bukhari dan orang-orang yang sependapat dengannya adalah yang paling sesuai dengan kehendak Allah di dalam ayat tayammum terutamanya ayat tayammum al-Maa'idah. Untuk lebih jelas sekali lagi saya bawakan di sini ayat tersebut dan hayatilah dengan sepenuh hati maksud firman Allah itu:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadass kecil), maka (berwudhu'lah, iaitu) basuhlah mukamu dan kedua belah tanganmu hingga ke siku, dan sapulah kepalamu, dan (basuhlah) kedua belah kakimu hingga ke buku lali, dan jika kamu berjunub (berhadass besar) maka bersucilah betul-betul (dengan mandi wajib); dan jika kamu sakit (dan tidak boleh menggunakan air) atau dalam perjalanan atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu bersetubuh dengan perempuan, sedang kamu tidak mendapati air (untuk berwudhu' atau mandi), maka bertayamumlah dengan muka bumi yang bersih, iaitu sapulah mukamu dan kedua belah tanganmu dengannya. Allah tidak mahu menyusahkan kamu sedikit pun, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan ni'matNya kepadamu, supaya kamu bersyukur. (al-Maa'idah:6).

Bukankah ayat ini disudahi dengan keterangan bahawa Allah tidak mahu menyusahkan kamu sedikit pun? Kalau Allah tidak mahu kita susah sedikit pun dalam hal-ehwal bersuci, maka apakah pada pandangan anda kita tidak akan susah apabila mengikut pendapat sesetengah 'ulama' bahawa "Sha'id" hanyalah tanah berdebu yang menumbuhkan tanaman, tayammum akan terbatal dengan berlalunya waktu sesuatu sembahyang fardhu, satu tayammum dibenarkan hanya untuk satu sembahyang fardhu sahaja dan lain-lain?? Tentu sekali banyak kesusahan yang akan anda hadapi. Tetapi mengikut mazhab Bukhari, tidak ada sebarang kesusahan yang perlu ditanggung seseorang. Segala-galanya mudah

٣٣١- حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنِي يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَوْفٌ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو رَجَاءٍ عَنْ عُمَرَ بْنِ الْكَافِ فِي سَفَرٍ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَإِنَّا أَسْرَيْنَا حَتَّى كُنَّا فِي آخِرِ اللَّيْلِ وَقَعْنَا وَقْعَةً وَلَا وَقْعَةً أَحْلَى عِنْدَ الْمُسَافِرِ مِنْهَا فَمَا أَقْبَضْنَا إِلَّا حَرَّ الشَّمْسِ وَكَانَ أَوَّلَ مَنْ اسْتَيْقَظَ فَلَانٌ ثُمَّ فَلَانٌ ثُمَّ فَلَانٌ يُسَمِّيهِمْ أَبُو رَجَاءٍ فَنَسِيَ عَوْفٌ ثُمَّ عُمَرُ ابْنُ الْخَطَّابِ الرَّابِعُ وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا نَامَ لَمْ يُوقِظْ حَتَّى يَكُونَ هُوَ يَسْتَيْقِظُ لَأَنَّا لَا نَدْرِي مَا يَحْدُثُ لَهُ فِي تَوْبِهِ فَلَمَّا اسْتَيْقَظَ عُمَرُ وَرَأَى مَا أَصَابَ النَّاسَ وَكَانَ رَجُلًا جَلِيدًا فَكَبَّرَ وَرَفَعَ صَوْتَهُ بِالْتَكْبِيرِ فَمَا زَالَ يَكْبُرُ وَيَرْفَعُ صَوْتَهُ بِالْتَكْبِيرِ حَتَّى اسْتَيْقَظَ بِصَوْتِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا اسْتَيْقَظَ شَكَّوْا إِلَيْهِ الَّذِي أَصَابَهُمْ قَالَ لَا ضَيْرَ أَوْ لَا يَضِيرُ أَرْتَحِلُوا فَارْتَحِلْ فَسَارَ غَيْرَ بَعِيدٍ ثُمَّ نَزَلَ فَدَعَا بِالْوُضُوءِ فَوَضَّأَ وَتَوَدَّى بِالصَّلَاةِ فَصَلَّى بِالنَّاسِ فَلَمَّا انْقَلَبَ مِنْ صَلَاتِهِ إِذَا هُوَ بِرَجُلٍ مُعْتَزِلٍ لَمْ يُصَلِّ مَعَ الْقَوْمِ قَالَ مَا مَنَعَكَ يَا فَلَانُ أَنْ تُصَلِّيَ مَعَ الْقَوْمِ قَالَ أَصَابَنِي جَنَابَةٌ وَلَا مَاءَ قَالَ عَلَيْكَ بِالضَّعِيدِ فَإِنَّهُ يَكْفِيكَ ثُمَّ سَارَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاشْتَكَى إِلَيْهِ النَّاسُ مِنَ الْعَطَشِ فَنَزَلَ فَدَعَا فَلَاكَانَ كَانَ يُسَمِّيهِ أَبُو رَجَاءٍ نَسِيَهُ عَوْفٌ وَدَعَا عَلِيًّا فَقَالَ أَذْهَبَا فَابْتَغِيَا الْمَاءَ فَاطْلُقَا فَلَقِيَا امْرَأَةً بَيْنَ مَرَاذَتَيْنِ أَوْ سَطِيحَتَيْنِ مِنْ مَاءٍ عَلَى بَعِيرٍ لَهَا فَقَالَا لَهَا أَيْنَ الْمَاءُ قَالَتْ عَهْدِي بِالْمَاءِ أَمْسَ هَذِهِ السَّاعَةَ وَتَقَرُّنَا خُلُوفًا قَالَا لَهَا ائْطَلِقِي إِذَا قَالَتْ إِلَى أَيْنَ قَالَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ الَّذِي يُقَالُ لَهُ الصَّابِيُّ قَالَا هُوَ الَّذِي نَعْنِي فَاطْلُقِي فَجَاءَهَا إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَحَدَّثَاهُ الْحَدِيثَ قَالَ فَاسْتَنْزَلُوها عَنْ بَعِيرِهَا وَدَعَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِإِيَّاهُ فَفَرَّغَ فِيهِ مِنْ أَفْوَاهِ الْمَرَاذَتَيْنِ أَوْ سَطِيحَتَيْنِ وَأَوْكَأَ أَفْوَاهَهُمَا وَأَطْلَقَ الْعَرَالِي وَتَوَدَّى فِي النَّاسِ اسْقُوا وَاسْقُوا فَسَقَى مَنْ شَاءَ وَاسْتَقَى مَنْ شَاءَ وَكَانَ آخِرُ ذَلِكَ أَنْ أُعْطِيَ الَّذِي أَصَابَهُ الْجَنَابَةُ إِتَاءً مِنْ مَاءٍ قَالَ أَذْهَبَ فَافْرِغْهُ عَلَيْكَ وَهِيَ قَائِمَةٌ تَنْظُرُ إِلَى مَا يُفْعَلُ بِمَا نَهَا وَأَيْمُ اللَّهِ لَقَدْ أَقْلَعَ عَنْهَا وَابْنُ لِيَحْيَى إِنْ بِنَا أَنَّهُ أَشَدُّ مِلَّةً مِنْهَا حِينَ ابْتَدَأَ فِيهَا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اجْمَعُوا لَهَا فَجَمَعُوا لَهَا مِنْ بَيْنِ عَجْوَةٍ وَدَقِيقَةٍ وَسَوِيقَةٍ حَتَّى جَمَعُوا لَهَا طَعَامًا فَجَعَلُوهَا فِي تَوْبٍ وَحَمَلُوهَا عَلَى بَعِيرِهَا وَوَضَعُوا التَّوْبَ بَيْنَ يَدَيْهَا قَالَ لَهَا تَعْلِمِينَ مَا رَزَيْنَا مِنْ مَائِكَ شَيْئًا وَلَكِنَّ اللَّهَ هُوَ الَّذِي أَسْقَانَا فَأَتَتْ أَهْلَهَا وَقَدْ احْبَسَتْ عَنْهُمْ قَالُوا مَا حَبَسَكَ يَا فُلَانَةُ قَالَتْ الْعَجَبُ لِقَيْنِي رَجُلَانِ فَذَهَبَا بِي إِلَى هَذَا الَّذِي يُقَالُ لَهُ الصَّابِيُّ فَفَعَلَ كَذَا وَكَذَا فَوَاللَّهِ إِنَّهُ لَا سِحْرَ النَّاسِ مِنْ بَيْنِ هَذِهِ وَهَذِهِ وَقَالَتْ بِاصْبَعْهَا الْوُسْطَى وَالسَّبَابِيَّةَ فَرَفَعَهُمَا إِلَى السَّمَاءِ تَعْنِي السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ أَوْ إِنَّهُ لِرَسُولِ اللَّهِ حَقًّا فَكَانَ الْمُسْلِمُونَ بَعْدَ ذَلِكَ يُغَيِّرُونَ عَلَى مَنْ حَوْلَهَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ وَلَا يُصِيبُونَ الصِّرِمَ الَّذِي هِيَ مِنْهُ فَقَالَتْ يَوْمًا لِقَوْمِهَا مَا أُرَى أَنَّ هَؤُلَاءِ الْقَوْمَ يَدْعُونَكُمْ عَمْدًا فَهَلْ لَكُمْ فِي الْإِسْلَامِ فَاطَّاعُوهَا فَذَخَلُوا فِي الْإِسْلَامِ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ صَبَا خَرَجَ مِنْ دِينٍ إِلَى غَيْرِهِ وَقَالَ أَبُو الْعَالِيَةِ (الصَّابِيُّ) فِرْقَةٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ يَقْرَأُونَ الزُّبُورَ أَصْبُ أَمِلُ

sehingga mendorongnya bersyukur kepada Allah atas kesempurnaan ni'mat yang dikurniakan kepadanya.

331 – Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya bin Sa'id meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Auf meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Rajaa' meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Imraan menceritakan, katanya: "Pernah kami bersama Nabi s.a.w. dalam satu perjalanan.³³⁰ Setelah sekian lama berjalan di waktu malam, akhirnya kami berhenti untuk beradu di penghujungnya. Bagi orang yang bermusafir, tidak ada waktu tidur yang lebih manis daripada waktu itu. Kami tidak terjaga melainkan setelah dipukul panas matahari. Orang yang mula-mula sekali bangun ialah fulan, lepas itu fulan, lepas itu pula fulan. Abu Rajaa' menyebutkan nama orang-orang itu tetapi 'Auf terlupa. Kemudian yang keempat ialah 'Umar bin al-Khatthaab.³³¹

³³⁰ Para 'ulama' berbeza pendapat tentang perjalanan yang dimaksudkan oleh 'Imraan bin Hushain di dalam riwayat ini. Berdasarkan riwayat Muslim daripada Abi Hurairah berkemungkinan besar ia adalah perjalanan pulang dari Khaibar. Kerana kisah yang tersebut di dalam hadits Abi Hurairah itu lebih kurang sama dengan yang tersebut di dalam hadits 'Imraan ini.

³³¹ Berhenti untuk beradu dan berihat di penghujung malam dalam perjalanan dipanggil "Ta'ris". Peristiwa ta'ris yang menyebabkan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat tertidur hingga terlepas waktu subuh sebenarnya telah berlaku beberapa kali. Walaupun ada 'ulama' berpendapat ia berlaku hanya sekali sahaja, namun jika dilihat kepada kandungan kisah yang jauh berbeza di antara satu dengan yang lain, niscaya tanpa teragak-agak kita akan mengatakan ia telah berlaku beberapa kali. Sekurang-kurangnya dua kali, malah saya mengatakan tidak kurang dari tiga kali. Ini kerana kisah yang dikemukakan oleh Abu Qataadah berbeza sama sekali dari kisah yang dikemukakan oleh 'Imraan. Di dalamnya tersebut Abu Bakar dan 'Umar tiada bersama nabi ketika Baginda s.a.w. tertidur itu. Sedangkan di dalam hadits 'Imraan ini jelas tersebut mereka berdua ada bersama. Hadits 'Imraan juga menceritakan orang yang mula-mula sedar ialah Abu Bakar. Rasulullah s.a.w. baru sedar apabila mendengar takbir 'Umar. Di dalam hadits Abi Qataadah tersebut orang yang mula-mula sekali sedar dari tidur ialah Nabi s.a.w. sendiri. Selain itu banyak lagi perbezaan-perbezaan lain terdapat di dalam hadits kedua orang sahabat tersebut. Tempat di mana berlakunya peristiwa ta'ris juga didapati berbeza-beza di dalam hadits-hadits dan atsar-atsar. Dalam perjalanan dari Khaibar, dari Tabuk, di salah satu jalan dari Mekah, dalam peristiwa Jaisyul Umaraa', dari Hudaibiah dan lain-lain. Semua ini menunjukkan ia telah berlaku beberapa kali. 'Auf terlupa nama tiga orang yang terjaga sebelum sayyidina 'Umar padahal katanya gurunya Abu Rajaa' menceritakan nama tiga orang itu kepadanya. Untuk menentukan siapakah orangnya, kita seharusnya meruju' kepada riwayat Salm bin Zarir yang turut sama meriwayatkannya daripada Abi Rajaa'. Riwayat Salm bin Zarir itu dikemukakan oleh Muslim, Baihaqi, Daraquthni dan Bukhari r.a. sendiri di dalam Bab 'Alaamaat an-Nubuwwah fi al-Islam. Di dalamnya tersebut orang yang mula-mula sekali bangun dari tidur dalam peristiwa itu ialah Abu Bakar. Kata Hafiz Ibnu Hajar: "Masuk 'aqal juga jika (dikatakan) orang yang kedua bangun itu ialah 'Imraan bin Hushain sendiri. Kerana riwayat yang dikemukakannya ini jelas menunjukkan beliau sendiri menyaksikan apa yang berlaku dalam peristiwa itu dan beliau tidak akan dapat menyaksikan semua yang berlaku melainkan setelah sedar dari tidur. Adalah munasabah jika (dikatakan) orang yang ketiga sedar ialah orang yang turut sama meriwayatkan peristiwa ini iaitu Zu Mukhbir. Thabarani

Apabila Nabi s.a.w. tidur, kami tidak menyedarkannya sehingga beliau sendirilah yang sedar, kerana kami tidak tahu apa yang berlaku kepadanya semasa tidurnya itu. Apabila `Umar bangun dan melihat apa yang sedang berlaku kepada orang ramai - dan dia adalah seorang yang berani - teruslah dia bertakbir beberapa kali dengan mengeraskan suaranya sehingga Nabi s.a.w. terjaga kerana suaranya itu. Setelah Nabi s.a.w. bangun, mereka pun mengadukan kepada baginda mengenai perkara yang telah menimpa mereka. Maka Nabi s.a.w. berkata: “Tidak mengapa, atau tidak ada apa-apa.”³³² Berangkatlah!”. Setelah berangkat pergi tidak jauh dari situ, beliau berhenti lalu meminta air untuk berwudhu’. Selepas selesai berwudhu’ dan selesai pula azan dilaungkan untuk sembahyang, Baginda s.a.w. mengimami orang ramai. Setelah selesai bersembahyang baginda s.a.w. ternampak seorang lelaki yang menyendiri tidak ikut serta bersembahyang bersama-sama orang ramai. Nabi s.a.w. bertanya: “Apakah yang menghalangmu wahai fulan untuk bersembahyang bersama-sama orang ramai?”³³³ Orang itu menjawab: “Saya telah berjunub dan ketiadaan air.” Nabi s.a.w. berkata:

dengan sanadnya meriwayatkan daripada `Amar bin Umayyah, katanya: “Aku tidak terjaga melainkan setelah dipukul panas matahari. Lalu aku sedarkan orang yang paling hampir denganku. Setelah itu orang ramai saling menyedarkan satu sama lain sehingga sedar Nabi s.a.w.”

³³² Ungkapan ‘atau tidak ada apa-apa’ itu merupakan syak perawi. Maksudnya ialah perawi ragu dan tidak pasti sama ada gurunya berkata ‘Tidak mengapa’ atau ‘tidak ada apa-apa’ atau dalam bahasa `Arabnya لَا ضَرَرَ أَوْ لَا يَضِيرُ. Si guru dalam keadaan ini telah berkata salah satu dari dua ungkapan itu, bukan kedua-duanya. Perawi yang syak di sini ialah `Auf berdasarkan riwayat Baihaqi. Rasulullah s.a.w. berkata demikian untuk menenangkan para sahabatnya yang kecewa kerana terlepas waktu sembahyang. Maksud beliau ialah kamu tidak dikira bersalah kerana semuanya telah berlaku dengan tidak disengajakan.

³³³ Siapakah fulan yang tersebut di dalam pertanyaan Nabi s.a.w. ini? Hafiz Ibnu Hajar menukulkan daripada Ibnu al-Mulaqqin di dalam Syarah al-`Umdahnya bahawa fulan itu ialah Khallaad bin Rafi’ bin Malik al-Anshari iaitu saudara Rifa’ah bin rafi’. Dia adalah salah seorang yang telah ikut serta dalam peperangan Badar. Al-`Aini pula menukulkan kenyataan yang sama daripada kitab at-Taudhih.

“Gunakanlah muka bumi (untuk bertayammum) kerana ia sudah memadai untukmu.” Kemudian Nabi s.a.w. terus berjalan. Dalam pada itu ada yang mengadu dahaga kepada beliau s.a.w. Nabi s.a.w. berhenti lagi, lalu memanggil fulan - Abu Rajaa’ menyebut nama fulan itu tetapi `Auf terlupa - dan `Ali.³³⁴ Kata Baginda s.a.w.: “Pergilah kamu berdua mencari air.” Mereka pun pergi lalu bertemu dengan seorang perempuan yang berada di antara dua buah gereba besar berisi air di atas untanya. Mereka bertanya perempuan itu: “Dimana ada air?” Perempuan itu menceritakan: “Pada waktu inilah saya tinggalkan tempat air itu kelmarin dan (sekarang) kalangan lelaki dari kaumku tiada di rumah.”³³⁵ Mereka berdua pun berkata: “Kalau begitu marilah berangkat bersama kami.” Perempuan itu bertanya: “Kemana?” Mereka menjawab: “Kepada Rasulullah s.a.w.” Kata perempuan itu: “Oh, Orang yang dipanggil Shabi’ itukah?” Kata mereka berdua: “Dialah orangnya yang awak maksudkan itu, berangkatlah.”³³⁶ Mereka pun membawa perempuan itu kepada Rasulullah s.a.w. dan menceritakan peristiwa itu kepada baginda. Kata perawi: “Lalu mereka meminta perempuan itu turun dari untanya. (Seterusnya) Nabi s.a.w. meminta satu bekas air lalu

³³⁴ Berdasarkan riwayat Salm bin Zarir daripada Abi Rajaa’, nama fulan yang `Auf terlupa itu ialah `Imraan bin Hushain perawi hadits ini sendiri.

³³⁵ Kenapakah perempuan itu berkata ‘dan (sekarang) kalangan lelaki dari kaumku tiada di rumah’? apa kena mengena jawapannya itu dengan pertanyaan dua orang sahabat yang diutuskan oleh Rasulullah s.a.w.? Jawapannya ialah apabila perempuan itu ditanya tentang air, dia risau jangan-jangan dua orang lelaki yang bertanya tentang air itu akan merampas airnya. Dengan berkata begitu dia seolah-olahnya memberi alasan bahawa dia tidak patut diganggu. Kepulangannya dengan segera amat perlu kerana di rumah ada anak-anak yang sedang menanti. Bapa-bapa mereka pula tiada di rumah untuk memenuhi keperluan anak-anak itu.

³³⁶ Shabi’ ialah orang yang meninggalkan satu agama dan menganut agama yang lain. Jawapan yang diberikan oleh `Ali dan `Imraan itu menggambarkan betapa beradabnya sahabat dengan Nabi s.a.w. Kalau mereka menidakkan, niscaya tidak akan sampai maksudnya dan kalau mereka mengiakan pula bererti tidak beradablah mereka dengan Nabi s.a.w.

menuangkan (sedikit) air dari mulut di sebelah atas kedua-dua gereba ke dalam bekas itu. Setelah mengikat mulut gereba di sebelah atas, beliau s.a.w. membuka pula mulut gereba yang di sebelah bawah.³³⁷ Ketika itu diserulah orang ramai dengan kata: “Minumlah kamu dan beri minumlah!” Maka minumlah orang-orang yang mahu minum dan orang-orang yang meminumkan pula, meminumkan sesiapa sahaja yang mereka mahu. Akhir sekali Baginda s.a.w. memberikan sebekas air kepada orang yang berjunub tadi sambil beliau berkata: “Pergilah engkau mandi.” Perempuan tadi pula hanya berdiri melihat apa yang dilakukan dengan airnya. Demi Allah! Setelah semua orang selesai minum dan mengambil air daripada gereba itu, kami tetap merasakan ia lebih penuh daripada sebelumnya. Maka Nabi s.a.w. berkata: “Kumpulkanlah (apa-apa makanan-makanan) untuknya.” Para sahabat pun mengumpulkan untuk perempuan itu tamar `ajwah, tepung gandum dan sesagun, sehingga terkumpul untuknya banyak makanan dalam selembur kain. Selepas menaikkan perempuan itu ke atas unta, mereka meletakkan pula bungkusan makanan itu di hadapannya (iaitu di bahagian hadapan unta). Sesudah itu Nabi s.a.w. berkata kepadanya: “Kamu tahu bahawa kami tidak mengurangkan sedikitpun airmu tetapi Allah jualah yang memberi minum kepada kami.” Perempuan itu terlambat sedikit sampai ke rumahnya. (Kerananya) Mereka bertanya: “Kenapa engkau terlambat sampai wahai fulanah?” Perempuan

³³⁷ Gereba mempunyai dua mulut. Yang pertamanya di sebelah atas, ia di panggil “afwaah”. Mulutnya besar. Dan yang keduanya ialah di sebelah bawah. Mulutnya kecil. Ia dipanggil “azlaa”. Rasulullah s.a.w. mengikat kembali afwaah atau mulut gereba di sebelah atas supaya tidak tumpah airnya dengan banyak dan beliau membuka `azlaa` kerana mulutnya kecil. Air akan keluar daripadanya sedikit-sedikit tanpa terbuang dengan sia-sia.

itu menjawab: “Ada perkara `ajaib telah berlaku, saya ditemui dua orang lelaki. Mereka berdua membawa saya kepada lelaki yang dikatakan Shabi’ itu. Dia telah melakukan begini-begini. Demi Allah! Sesungguhnya dia adalah tukang sihir yang paling pandai di antara ini dan ini - sambil dia menunjukkan dengan jari tengah dan jari telunjuknya ke langit. Apa yang dimaksudkannya ialah di antara langit dan bumi - atau dia sebenarnya memang utusan Allah. Selepas peristiwa tersebut orang-orang Islam menyerang kawasan-kawasan orang-orang musyrikin di sekitar kelompok masyarakat perempuan tadi, tetapi musyrikin dari kelompok perempuan itu sendiri tidak mereka ganggu. Pada suatu hari perempuan itu berkata kepada kaumnya: “Saya fikir orang-orang Islam ini memang sengaja membiarkan kamu. Oleh itu mahukah kamu memeluk Islam?” Kaum perempuan itu mendengar cakapnya lalu mereka memeluk agama Islam.”³³⁸ Abu `Adillah berkata: “صبا”

³³⁸ Banyak sekali pengajaran dan bimbingan yang terdapat di dalam hadits ini. Antaranya ialah (1) Beradab dengan orang yang lebih tua, pemimpin atau orang yang berkedudukan. Perkara ini dapat dilihat pada tindakan Sayyidina `Umar. Beliau menyedarkan Rasulullah s.a.w. secara tidak langsung dengan bertakbir. Lantaran takbir adalah ucapan pertama di dalam azan untuk mengajak orang ramai bersembahyang jema`ah. (2) Kekecewaan dan kekesalan akan ternyata pada mu`min sejati apabila terlepas daripadanya mana-mana ajaran agama. (3) Orang yang terlepas sembahyang di dalam waktu kerana tertidur tidak berdosa jika ia berlaku bukan kerana kecuaiannya. (4) Orang berjunub boleh bertayammum apabila tidak mendapati air. (5) Orang `alim hendaklah bertanya orang yang dilihatnya telah melakukan sesuatu yang tak kena demi memperbetulkan apa yang salah. (6) Berlembut dan berhalus dalam teguran terhadap seseorang. (7) Galakan bersembahyang jema`ah. (8) Menegur orang yang tidak bersembahyang fardhu bersama orang ramai tanpa sebarang ke`uzuran. (9) Wajib mengqadha` sembahyang yang terlepas dari waktunya. (10) Dalam keadaan-keadaan tertentu sembahyang boleh dita`khirkan, tetapi ia sama sekali tidak gugur dari kewajipan seseorang. (11) Berdosa menta`khirkan sembahyang dari waktunya tanpa sebarang ke`uzuran. (12) Orang yang tergugat ugamanya di sesuatu tempat, dikehendaki berpindah dari tempat itu demi menjaga ugamanya. (13) Orang yang menyiapkan diri dengan berwudhu`, mandi-manda dan mencari tempat yang sesuai untuk mengqadha` sembahyang yang terlepas, tidak dikira cuai dan melewati-lewatkannya. (14) Digalakkan azan sebelum mengqadha` sembahyang secara berjema`ah. (15) Harus berjema`ah dalam mengqadha` sesuatu sembahyang. (16) Harus mencari air untuk minum dan berwudhu`. Ia tidak becanggh dengan sifat tawakkal kepada Allah. (17) Harus mengambil air kepunyaan orang lain apabila terdesak oleh dahaga, dengan niat akan membayar harganya. (18) Dalam membahagi-bahagikan air, orang dahaga perlu diutamakan daripada orang berjunub. (19) Lafaz `aqad tidak diperlukan dalam pertukaran barang.

(Bererti) Keluar dari sesuatu agama lalu memeluk agama lain.

Abu al-'Aaliyah berkata: “(الصَّابِينَ) ialah satu golongan daripada

Ahlil Kitab, mereka membaca kitab Zabur. (Perkataan) أَصْبُ

(yang tersebut di dalam Surah Yusuf itu bererti) aku akan cenderung.³³⁹

(20) Kepentingan (mashlahah) manusia dan binatang terhadap air diutamakan daripada kepentingan bersuci dengannya. (21) Keharusan bertemu, bercakap dan berurusan dengan perempuan bukan mahram walaupun bukan beragama Islam dalam keadaan aman daripada fitnah. (22) Keharusan mengguna bekas-bekas orang musyrikin (bukan Islam) selagi tidak diyakini kenajisannya. (23) Keharusan berjihad semasa hayat Nabi s.a.w. (24) Menjaga hak orang kafir (bukan Islam) dan melindunginya. (25) Menghargai jasa dan budi baik seseorang walaupun bukan Islam. (26) Menghormati keluarga, saudara-mara, kaum atau puak orang yang telah berjasa kepada orang-orang Islam. (27) Berdiplomasi dengan orang-orang kafir. (28) Keharusan bersumpah walaupun tidak diminta supaya bersumpah. (29) Ra'yat boleh mengadukan kesulitan yang dialami mereka kepada pemimpin. (30) Orang yang bermusafir elok berhenti di penghujung malam atau pada waktu-waktu yang lain apabila telah berasa mengantuk atau keletihan. (31) Harus mengambil sesuatu daripada seseorang untuk memenuhi keperluan orang lain yang sangat terdesak sama ada ia rela atau tidak. (32) Rasulullah s.a.w. juga pernah tertidur nyenyak seperti orang-orang lain dari kalangan umatnya sehingga terlepas waktu sembahyang. (33) Adakalanya Allah memperlakukan ke atas Nabi s.a.w. sesuatu yang tidak mencatatkan kedudukannya sebagai seorang nabi sama ada untuk menjelaskan bahawa nabi-nabi juga manusia bukan tuhan atau untuk menerangkan sesuatu hukum agama. (34) Keharusan bermusafir tanpa menentukan bilangan hari, minggu atau bulan. (35) Nyatanya salah satu mu'jizat Nabi s.a.w. dalam peristiwa yang tersebut di atas. Air yang keluar dari mulut dua buah gereba kepunyaan perempuan di dalam kisah ini telah diambil dan digunakan oleh para sahabat Rasulullah s.a.w. Bilangan mereka ialah empat puluh orang berdasarkan riwayat Salm bin Zarir. Namun setelah mereka minum, mandi, memberi minum kepada unta-unta dan mengisi pula gereba-gereba yang dibawa bersama, air di dalam dua gereba perempuan itu tidak berkurang sedikit pun, malah kata perawi hadits ini: “kami tetap merasakan ia lebih penuh daripada sebelumnya.” (36) 'Umar dikenali sebagai seorang yang sangat berani.

³³⁹ Tujuan Bukhari r.a. berkata begini ialah untuk mengisyaratkan kepada perbezaan di antara ma'na صابين yang tersebut di dalam hadits di atas dengan ma'na صابين yang diterangkan oleh Abu al-'Aaliyah.

Perkataan صابين di dalam hadits di atas berpunca daripada يصبو صبوا وصبوة . Adapun perkataan أَصْبُ yang diterangkan oleh Abu al-'Aaliyah berpunca daripada صبا يصبأ صباً وصبوا .

Adapun perkataan أَصْبُ yang tersebut di dalam al-Qur'an itu maka ia adalah mudhari' daripada صبا . Salah satu kebiasaan Bukhari r.a. di dalam kitab Sahihnya ini ialah mengaitkan sesuatu perkataan yang tersebut di dalam hadits dengan perkataan yang ada di dalam al-Qur'an. Ini dilakukan beliau supaya pembaca kitabnya sentiasa ingat kepada al-Qur'an yang juga merupakan rujukan utama dalam bahasa 'Arab. Atsar Abu al-'Aaliyah tadi diwashalkan oleh Ibnu Abi Hatim di dalam Tafsirnya.